

TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMUDAHAN-i AMMONEYLINE

Maklumat yang diberikan dalam Terma dan Syarat ini sah dari Disember 2025. Untuk semakan terkini log masuk ke ambank.com.my.

PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan pihak Bank menggalakkan anda untuk mendapatkan nasihat guaman bebas anda sendiri sebelum menandatangani Borang Permohonan. Sekiranya terdapat mana-mana terma dan syarat di sini yang anda tidak fahami, anda dinasihatkan untuk berbincang lanjut dengan wakil sah Bank sebelum menandatangani Borang Permohonan.

1. DOKUMENTASI

- 1.1 Terma dan Syarat ini dibuat antara AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran 199401009897 (295576-U)] (selepas ini dirujuk sebagai "**Bank**") dan Pemohon (seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan) {"Borang Permohonan"} bagi Kemudahan-i AmMoneyLine (selepas ini dirujuk sebagai "**Kemudahan**") yang telah diluluskan oleh Bank (selepas ini Pemohon akan dirujuk sebagai "**Pelanggan**").
- 1.2 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama Borang Permohonan yang dilaksanakan oleh Pelanggan dan semua dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan yang akan membentuk satu perjanjian yang mengikat berhubung Kemudahan ini.

2 KEMUDAHAN, KONSEP SYARIAH DAN MEKANISME

Kemudahan ini adalah kemudahan pembiayaan bertempoh tidak bercagar berdasarkan konsep Syariah Murabahah Tawarruq, Wakalah dan Wa'd.

Tawarruq bermaksud satu aturan yang melibatkan dua perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada Pelanggan secara pembayaran tertangguh pada kos ditambah keuntungan, di mana harga belian dan harga jualan dimaklumkan kepada Pelanggan. Seterusnya, Pelanggan akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.

Wa'd bermaksud janji sebelah pihak atau akujanji yang merujuk kepada ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan pada masa akan datang.

Murabahah merujuk kepada penjualan dan pembelian komoditi secara tertangguh, di mana kos pembelian komoditi dan jumlah keuntungan Bank dimaklumkan kepada Pelanggan.

Wakalah ialah kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang satu lagi sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang boleh diwakilkan, sama ada dikenakan yuran atau tidak. Dalam produk ini, anda melantik Bank sebagai wakil mutlak untuk melaksanakan aturan Tawarruq.

2.1 Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli

- (i) Pelanggan akan membuat suatu permintaan dan memberi suatu akujanji ("**Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli**") untuk membeli suatu komoditi yang dikenal pasti ("**Komoditi**") daripada Bank pada harga jualan ("**Harga Jualan Bank**"). Harga Jualan Bank mengandungi kos untuk memperoleh Komoditi (bersamaan dengan "**Amaun Kemudahan**") ditambah dengan keuntungan Bank di mana keuntungan tersebut dikira berdasarkan formula berikut:
Keuntungan: Kos Komoditi (bersamaan dengan Amaun Kemudahan yang diluluskan) × Kadar Keuntungan × Tempoh
Amaun tepat keuntungan yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keuntungan.

- (ii) Berhubung dengan Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli, Bank (dalam kapasitinya sendiri) akan kemudiannya membeli Komoditi daripada pembekal komoditi.
- (iii) Bank akan memaklumkan kelulusan Bank kepada Permintaan untuk Membeli melalui panggilan telefon atau khidmat sistem pesanan ringkas ("SMS") kepada Pelanggan mengenai amaun yang diluluskan, Harga Jualan Bank dan tempoh Kemudahan sebelum pelaksanaan Kontrak Jualan Murabahah.

2.2 Pelantikan Bank selaku Ejen

- (i) Pelanggan boleh melantik Bank sebagai ejennya untuk menjual Komoditi dan untuk memasuki serta melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah bagi dan untuk pihaknya.
- (ii) Pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan hendaklah mengikut dan secara intipatinya dalam bentuk Pelantikan Wakil.
- (iii) Seterusnya dan menurut Pelantikan Wakil, jika diminta oleh Pelanggan, Bank bagi pihak Pelanggan akan menjual Komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga secara tunai dan hasilnya akan dibayar kepada atau untuk manfaat Pelanggan mengikut terma Perjanjian ini.
- (iv) Pelanggan terikat dengan segala tindakan dan transaksi dari semasa ke semasa yang dibuat oleh Bank sebagai ejennya di bawah dan mengikut syarat-syarat Pelantikan Wakil.
- (v) Pelanggan mengakujanji untuk menanggung rugi Bank daripada setiap dan semua tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung atau berlaku oleh Bank natijah daripada melaksanakan peranan Bank selaku ejen seperti yang dinyatakan di atas dan di dalam Pelantikan Wakil melainkan dan kecuali setakat mana sebarang ta'addi (salah laku), taqdir (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh pihak Bank.
- (vi) Walau apapun di dalam Pelantikan Wakil, Bank boleh mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menahan diri, menangguhkan, melewatkan dan/atau enggan bertindak sebagai ejen Pelanggan menurut terma dalam Pelantikan Wakil, dalam keadaan di mana adalah wajar bagi Bank untuk tidak bertindak termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi di mana terdapat aktiviti pengubahan wang haram atau aktiviti penipuan yang disyaki, dengan memaklumkan kepada Pelanggan; dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang natijah dalam apa jua bentuk yang timbul daripada atau disebabkan oleh ketidakgiatan tersebut, melainkan akibat kesilapan, peninggalan, salah nyataan atau kecuaian oleh pihak Bank.

2.3 Kontrak Jualan Murabahah

- (i) Setelah Bank membeli Komoditi daripada pembekal komoditi, Bank dan Pelanggan (melalui Bank sebagai Ejennya) akan memasuki Kontrak Jualan Murabahah di mana Bank menjual kepada Pelanggan Komoditi tersebut pada Harga Jualan Bank. Pelanggan hendaklah membayar Harga Jualan Bank berdasarkan terma bayaran tertangguh.
- (ii) Kontrak Jualan Murabahah hendaklah dianggap telah lengkap semasa penyempurnaannya oleh pihak Bank dan Pelanggan; di mana pemilikan benefisial kepada Komoditi (termasuk sebarang waranti, sama ada tersurat atau tersirat di situ) bersekali dengan hak untuk mengambil serahan Komoditi tersebut dan segala risiko serta liabiliti yang terkait dengan Komoditi hendaklah beralih daripada Bank kepada Pelanggan.
- (iii) Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank atas dasar "seadanya" tertakluk kepada syarat spesifikasi dan kualitinya adalah seperti yang dinyatakan dalam perakuan pengenalan dan pemilikan Komoditi yang berkaitan ("Sub Sijil") dan Pelanggan tidak mempunyai remedi terhadap Bank berhubung dengan kualiti, keadaan, atau sebaliknya berkenaan dengan Komoditi. Pelanggan secara mutlak dan muktamad melepaskan sebarang hak waranti dan sebarang tuntutan liabiliti kerosakan ke atas Komoditi terhadap Bank.
- (iv) Sekiranya Pelanggan ingin mengambil serahan Komoditi tersebut, Pelanggan akan menanggung sendiri kesemua kos dan perbelanjaan (termasuk Takaful) untuk penyerahan Komoditi tersebut.
- (v) Bank akan menyimpan Sub Sijil Komoditi yang berkaitan sebagai amanah untuk manfaat Pelanggan sebelum penjualan Komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga termasuk Bursa Suq Al-Sila oleh Bank yang bertindak sebagai ejen Pelanggan menurut Pelantikan Wakil.

- (vi) Sekiranya diminta secara bertulis, Pelanggan berhak untuk memeriksa dan/atau mendapatkan salinan Sub Sijil Komoditi.
- (vii) Jika Pelanggan berniat untuk menjual Komoditi di dalam pasaran kepada pihak ketiga secara tunai dan secara langsung (on spot basis), Pelanggan boleh melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi tersebut bagi pihak Pelanggan menurut Pelantikan Wakil.
- (viii) Kontrak Jualan Murabahah boleh ditamatkan sama ada oleh Bank atau Pelanggan disebabkan oleh pelanggaran terma khusus atau menurut kepada dan atas terma-terma yang dipersetujui bersama antara Bank dan Pelanggan di mana, Komoditi akan dipulangkan kepada Bank dan Harga Jualan Bank (ditolak rebat) akan dipulangkan kepada Pelanggan. Sekiranya Komoditi telah dijual kepada Pembeli Komoditi, amaun yang bersamaan dengan nilai Komoditi akan dipulangkan kepada Bank.

- 2.4 Permohonan Pembelian dan Aku Janji Pembelian, Kontrak Jualan Murabahah dan Pelantikan Ejen hendaklah dilaksanakan dalam borang-borang yang ditetapkan oleh Bank.
- 2.5 Yuran Dagangan berhubung dengan penjualan dan pembelian Komoditi menurut Kemudahan ini yang ditanggung oleh Bank, sekiranya ada, hendaklah hanya bagi tujuan akaun Pelanggan (dikongsi bersama di antara Bank dan Pelanggan).
- 2.6 Bank akan menyerahkan Surat Pemberitahuan kepada Pelanggan yang memaklumkan pengesahan transaksi pembelian dan penjualan komoditi Pelanggan bersama-sama dengan makluman bahawa Amaun Kemudahan telah dibayarkan kepada Pelanggan.

3 TARIKH BERKUATKUASA

- 3.1 Pelanggan dengan ini memahami dan mengesahkan bahawa Kemudahan akan disediakan untuk pengeluaran tertakluk kepada kelulusan Bank dan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan berkuat kuasa dari tarikh Kemudahan ini diluluskan.

4 KELULUSAN KEMUDAHAN

- 4.1 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh Bank dan Bank berhak untuk menolak atau menerima permohonan Kemudahan.
- 4.2 Bank boleh, mengikut budi bicara, meluluskan jumlah Kemudahan dan tempoh ansuran Kemudahan seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan atau meluluskan jumlah Kemudahan yang lebih rendah dan/atau tempoh ansuran Kemudahan yang lebih pendek.
- 4.3 Bank akan mengeluarkan pemberitahuan kelulusan melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") kepada Pelanggan, atau melalui panggilan telefon yang dirakam, untuk penerimaan sebelum pengeluaran Kemudahan. Sebarang perjanjian secara bertulis, lisan atau melalui pemberitahuan yang berkaitan dengan Kemudahan adalah sah dan mengikat ke atas Pelanggan termasuk mana-mana surat, pemberitahuan atau sebarang bentuk perjanjian lain yang berkaitan dengan Kemudahan dan pengeluarannya.
- 4.4 Bank akan mengeluarkan surat pemberitahuan kelulusan dan pengeluaran ("Surat Pemberitahuan & Pengeluaran") berdasarkan terma yang terkandung di dalamnya dan mengkreditkan jumlah Kemudahan yang diluluskan ke dalam akaun semasa / simpanan-i yang dinyatakan oleh Pelanggan, walaupun jumlah Kemudahan tersebut masih belum digunakan dalam akaun tersebut.

5 SYARAT TERDAHULU UNTUK PENGELUARAN

- 5.1 Jumlah Kemudahan hanya akan dikeluarkan selepas semua syarat terdahulu seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5.2 di bawah dipenuhi dan memuaskan pihak Bank.
- 5.2 Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, Bank akan menyediakan jumlah Kemudahan untuk pengeluaran sekiranya:
- I. Bank menerima Borang Permohonan yang lengkap dan ditandatangani bersama semua dokumen yang berkaitan;
 - II. Semua dokumen dan maklumat yang diterima adalah benar, tepat dan betul;
 - III. Bank berpuas hati dengan pengesahan berkenaan dokumen Pelanggan yang diterima oleh Bank;
 - IV. Berdasarkan semakan kredit Bank ke atas Pelanggan, tiada petunjuk negatif berkenaan Pelanggan;
 - V. Proses pengesahan Pelanggan selesai. Proses ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, panggilan telefon kepada Pelanggan untuk mengesahkan kesahihan dan ketepatan dokumen yang dikemukakan. Pelanggan hendaklah bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Bank semasa proses ini dan menyediakan sebarang maklumat atau dokumen tambahan yang diminta;
 - VI. Pelaksanaan lengkap semua aqad dan dokumen yang diperlukan oleh Pelanggan termasuk perjanjian ejen yang melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq bagi tujuan Kemudahan ini seperti yang dipersetujui dalam Pelantikan Ejen.

6 TERMA PENGELUARAN

- 6.1 Bank akan mengeluarkan jumlah Kemudahan (bersamaan dengan jumlah hasil jualan Komoditi kepada pihak ketiga) yang telah diluluskan ke dalam akaun semasa-i / simpanan-i yang dinyatakan oleh Pelanggan di dalam Borang Permohonan selepas menolak semua fi dan caj, khususnya duti setem, yang perlu dibayar kepada Bank.
- 6.2 Pelanggan bersetuju bahawa, dengan memberikan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar notis terdahulu kepada Pelanggan, Bank boleh menukar dan meminda kaedah pengeluaran Kemudahan kepada Pelanggan menurut Klausa 6.1 di atas sekiranya terdapat kaedah tambahan pengeluaran yang tersedia untuk Pelanggan.
- 6.3 Pelanggan boleh membatalkan Kemudahan ini dengan memberikan notis bertulis kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh pengeluaran, dengan syarat jumlah Kemudahan yang dikeluarkan tidak digunakan. Selepas menerima notis pembatalan, Bank akan memulangkan caj keuntungan bulan pertama bersama dengan duti setem yang telah dibilkan, dan mengenakan fi dan caj Akaun Semasa/Simpanan AmBank Islamic, jika berkenaan, untuk penutupan awal, dan seterusnya Kemudahan akan dibatalkan/ditutup. Jika sebahagian daripada jumlah Kemudahan telah digunakan dan/atau dipindahkan ke kemudahan/akaun institusi kewangan lain, pembatalan Kemudahan tidak dibenarkan.

7 KADAR KEUNTUNGAN

- 7.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar kadar keuntungan yang dikenakan ke atas jumlah Kemudahan pada kadar yang ditentukan oleh Bank. Kadar keuntungan adalah sebahagian daripada pengiraan Harga Jualan Bank.

8 PEMBAYARAN OLEH PELANGGAN

- 8.1 Harga Jualan Bank harus dibayar mengikut bilangan ansuran bulanan yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan yang juga menetapkan tempoh ansuran bulanan Kemudahan dan maklumat lain yang dihantar kepada Pelanggan setelah kelulusan Kemudahan.
- 8.2 Selepas pengeluaran penuh Kemudahan dibuat, bayaran ansuran pertama hendaklah dibayar pada tarikh yang dinyatakan dalam bulan kalendar seperti berikut:

- (i) Pengeluaran yang dibuat antara 1–20 haribulan: tarikh akhir bayaran adalah pada 5 haribulan bulan berikutnya;
- (ii) Pengeluaran yang dibuat antara 21–31 haribulan: tarikh akhir bayaran adalah pada 5 haribulan bulan kedua berikutnya;

Bayaran ansuran berikutnya hendaklah dibayar pada tarikh yang sama setiap bulan sehingga semua amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini ("Hutang") dijelaskan dengan sepenuhnya.

- 8.3 Semua bayaran hendaklah dibuat kepada Bank dengan tanpa sebarang potongan atau penolakan untuk cukai atau apa-apa potongan lain.
- 8.4 Sekiranya undang-undang memerlukan potongan dibuat, Pelanggan hendaklah menambah jumlah bayaran supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank adalah sama seperti jumlah yang sepatutnya diterima jika tiada potongan dibuat.

Semua pembayaran yang dibuat di bawah Kemudahan ini oleh Pelanggan akan diaplikasikan sebagai pembayaran ke atas amaun tertunggak, ansuran bulanan dan/atau caj berkaitan lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank seperti yang dinyatakan di sini.

- 8.5 Ansuran bulanan Harga Jualan Bank dan tempoh ansuran tidak boleh diubah oleh Pelanggan tanpa kebenaran Bank.
- 8.6 Pelanggan beraku janji untuk membuat pengaturan yang memuaskan untuk pembayaran ansuran bulanan mengikut Terma dan Syarat ini walaupun berada di luar Malaysia pada bila-bila masa.
- 8.7 Sekiranya Bank membuat tuntutan terhadap bayaran Kemudahan ini, Pelanggan haruslah bertanggungjawab untuk membayar caj lewat bayar ke atas amaun yang masih tertunggak atau ansuran bulanan yang tidak dibayar selepas tarikh tuntutan dibuat sehingga penyelesaian. Caj lewat bayar akan terakru atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah mahkamah dan juga sebelumnya) dan caj lewat bayar tersebut yang tidak dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan pada setiap hujung bulan kalendar.
- 8.8 Kebenaran Bayaran Bulanan

- (i) Bagi permohonan di bawah Program Pelanggan Akaun Gaji AmBank, Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk Auto-Debit (Kebenaran Bayaran Bulanan) bagi pembayaran ansuran bulanan daripada Akaun Simpanan Gaji / Semasa AmBank Islamic anda.
- (ii) Pelanggan memberik kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk mendebit ansuran bulanan termasuk fi, kadar keuntungan dan caj lain yang berkaitan, daripada akaun tersebut. Kuasa ini juga terpakai bagi sebarang kenaikan kadar keuntungan (jika ada) dan tiada had amaun atau kekerapan pembayaran selagi ansuran masih perlu dibayar.

Arahan debit terus ini tertakluk kepada:

- (i) Pelanggan memastikan dana yang mencukupi dalam akaun bayaran ansuran. Sekiranya akaun Pelanggan adalah akaun semasa-i, Pelanggan harus memastikan baki mencukupi untuk membayar cek yang didepositkan selepas potongan ansuran. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang fitnah dan/atau pelanggaran kontrak dan/atau untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau caj dalam apa jua keadaan yang timbul daripada cek yang dikeluarkan daripada Akaun Pelanggan yang dipulangkan akibat dana tidak mencukupi berikutan tindakan Bank mendebit Akaun Pelanggan menurut arahan/kuasa yang diberi. Bank berhak mengenakan caj ke atas semua arahan tetap pada tarikh matang, di mana caj tersebut tidak boleh dikembalikan walaupun arahan tersebut tidak dapat dilaksanakan akibat dana tidak mencukupi.

- (ii) Walaupun Bank akan berusaha untuk melaksanakan pembayaran bulanan tersebut, Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan pembayaran bulan tersebut atau mematuhi arahan

sedemikian atas sebab-sebab yang bukan disebabkan oleh Bank atau yang di luar kawalan munasabah Bank atau disebabkan oleh sebarang ralat atau kerosakan sistem Bank, kecuali jika ia berpunca daripada kecuaiannya nyata atau keingkaran sengaja oleh Pihak Bank.

8.9 Skim Potongan Gaji

- (i) Pelanggan diingatkan untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun pengkreditan gaji bagi tujuan pembayaran sekiranya jumlah gaji tidak mencukupi untuk menjelaskan bayaran secara keseluruhan, atau potongan gagal disebabkan oleh sebab-sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada sekatan pengeposan, jumlah gaji tidak mencukupi, gaji tidak dikreditkan, pembayaran gaji melalui saluran selain AmBank@work Payroll Solutions, dan lain-lain.
- (ii) Bagi Pelanggan yang memohon Skim Potongan Gaji, tanpa mengira tarikh bayaran yang perlu dijelaskan, sebaik sahaja gaji dikreditkan, jumlah bayaran yang perlu dijelaskan akan dipotong pada hari yang sama (atau hari berikutnya sekiranya gaji dikreditkan selepas waktu tutup Bank) bagi tujuan pembayaran pembiayaan.
- (iii) Bagi Pelanggan yang memohon Skim Potongan Gaji, Pelanggan dikehendaki mendaftar kemudahan auto-debit melalui Akaun Semasa/Simpanan/-i AmBank@work bagi tujuan pembayaran pembiayaan Islamik.
- (iv) Pelanggan boleh memilih sehingga tiga produk pembiayaan Islamik untuk didaftarkan di bawah fungsi potongan gaji AmBank. Had ini direka untuk membantu mengurus komitmen pembayaran dengan berkesan dan memastikan pengalaman yang lancar. Sekiranya anda ingin memohon lebih daripada tiga produk, sebarang permohonan tambahan akan diproses melalui prosedur permohonan standard, tanpa potongan gaji. Sekiranya pembiayaan perlu dinilai semula disebabkan had maksimum kemudahan potongan gaji telah dicapai, semua kos (jika ada) yang terlibat akan ditanggung oleh pelanggan.

9 REBAT TAHUNAN KE ATAS KEUNTUNGAN YANG DIBAYAR (JIKA BERKENAAN)

- 9.1 Rebat tahunan ke atas keuntungan yang dibayar tidak terpakai kepada pelanggan yang memohon selepas 29 Februari 2024.
- 9.2 Pelanggan yang telah melangsaikan bayaran ansuran bulanan sebelum atau tepat pada tarikh yang ditetapkan selama dua belas (12) bulan berturut-turut akan diberi rebat sebanyak 5% daripada jumlah kadar keuntungan yang telah dibayar pada tahun tersebut. Rebate ini akan diberikan pada bulan ke-13 dan akan dinyatakan pada penyata bulan ke-13. Bank berhak untuk mengubah atau membatalkan rebat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 9.3 Pada akhir tempoh Kemudahan, bagi pembayaran yang dibuat sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan selama sebelas (11) bulan berturut-turut, rebat tahunan akan diberikan pada bulan ke-12 dalam penyata akaun dan merupakan bayaran yang terakhir.

10 PRABAYARAN / PENYELESAIAN AWAL DAN IBRA' (REBAT)

- 10.1 Sekiranya Pelanggan ingin menjelaskan Harga Jualan Bank sepenuhnya sebelum tempoh Ansuran Kemudahan matang, Pelanggan dikehendaki memberikan satu (1) bulan notis bertulis terdahulu kepada Bank.
- 10.2 Bank akan memberi ibra' (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:
 - (a) Bagi pembiayaan kadar keuntungan boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan siling / kadar keuntungan dipersetujui seperti dalam kontrak.
 - (b) Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan oleh Pelanggan dalam situasi berikut:
 - (i) Penebusan atau prabayaran Kemudahan;

- (ii) Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan;
- (iii) Di dalam kes ingkar oleh Pelanggan;
- (iv) Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput.
- (v) Ibra' (Rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:

$$\text{Ibra' (Rebat)} = \text{Keuntungan tertunda} - \text{Caj penyelesaian awal}$$

11 CAJ LEWAT BAYAR

11.1 Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada Pelanggan caj lewat bayar bagi kegagalan Pelanggan untuk membuat:

- (i) bayaran ansuran tertunggak dan/atau jumlah amaun yang dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank pada setiap satu tarikh matangnya; dan/atau
- (ii) pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Kemudahan.

Caj lewat bayar akan dikira mengikut kadar yang dinyatakan di bawah:

(a) Sebelum tarikh matang

Kadar Caj Lewat Bayar: 1% setahun dikira atas dasar baki harian.

Ke atas amaun: (a) Ansuran tertunggak, yang dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak; dan/atau

(b) Baki tertunggak, yang dikira daripada tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak

(b) Selepas tarikh matang

Kadar Caj Lewat Bayar: Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.

Ke atas amaun: Baki tertunggak dikira daripada tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.

(c) Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan

Kadar Caj Lewat Bayar: pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian daripada tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.

Ke atas amaun: Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan dalam penghakiman) yang dikira daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Nota:

- (i) Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
- (ii) Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.
- (iii) Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
- (iv) Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.
- (v) Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.

12 TEMPOH KEMUDAHAN

12.1 Tempoh Kemudahan adalah tempoh yang ditentukan oleh Bank dan dipersetujui oleh Pelanggan dan akan ditunjukkan dalam Surat Pemberitahuan.

13 HAK UNTUK MENAMATKAN KEMUDAHAN

- 13.1 Bank berhak untuk menarik balik atau membatalkan Kemudahan pada bila-bila masa (termasuk sebelum pengeluaran) jika terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis yang munasabah. Selepas penamatan atau pembatalan Kemudahan, semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan ini akan serta-merta menjadi perlu dibayar sepenuhnya.
- 13.2 Bank juga mempunyai hak untuk menggantung atau tidak menghentikan Kemudahan dengan notis yang munasabah sekiranya Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:
- (i) Mana-mana dokumen atau maklumat yang diberikan oleh Pelanggan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan; atau
 - (ii) Terdapatnya sebarang unsur rekaan, penipuan, pemalsuan atau kenyataan tidak benar dalam permohonan Kemudahan oleh Pelanggan.

14 REPRESENTASI DAN JAMINAN

- 14.1 Pelanggan memberi representasi dan jaminan bahawa:
- (i) Pelanggan mempunyai kapasiti sah dan kuasa penuh untuk memasuki dan menjalankan obligasi-obligasinya di bawah Kemudahan yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini;
 - (ii) Tiada kejadian telah berlaku yang menyebabkan (atau dengan memberi notis atau luputnya masa atau kedua-duanya yang menyebabkan) berlakunya satu atau lebih Kejadian Keingkaran yang dinyatakan di bawah;
 - (iii) Pelanggan tidak memungkirkan sebarang perjanjian lain yang mungkin mempunyai kesan besar dan menjejaskan keadaan kedudukan kewangannya;
 - (iv) Pelanggan akan memastikan pada setiap masa penggunaan Kemudahan hanya bagi tujuan dan perkara yang mematuhi Syariah sahaja.

15 PENDEDAHAN

- 15.1 Pelanggan dengan ini membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk:
- (i) Menggunakan atau mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan Kemudahan ini kepada mana-mana pengutip hutang/agensi pengutip hutang, agensi pengawal selia, pemegang saham, konsultan atau penasihat Bank, yang Bank atas budi bicaranya merasakan perlu berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak Bank di bawah Kemudahan dan Terma dan Syarat ini;
 - (ii) Mendedahkan apa-apa maklumat berhubung dengan maklumat peribadi, kedudukan kredit Pelanggan (termasuk nombor akaun) dan perihal Kemudahan ini kepada mana-mana agensi pelaporan kredit, bank dan/atau institusi kewangan lain, dan/atau pemegang saham Bank, konsultan atau penasihat atau sesiapa juga orang atau pihak berkepentingan yang dianggap perlu oleh Bank menurut budi bicaranya;
 - (iii) Mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia tentang Kemudahan Pelanggan atau Akaun Pelanggan seperti yang diperlukan.

16 KEJADIAN KEINGKARAN

- 16.1 Bank berhak untuk menamatkan dan/atau menarik balik Kemudahan ini dan menuntut pembayaran semua Keberhutangan jika:
- (i) Pelanggan gagal membayar apa-apa amaun yang terhutang di bawah Kemudahan atau apa-apa pembiayaan atau Kemudahan lain yang Pelanggan ada dengan Bank pada setiap satu tarikh matangnya yang berkenaan;
 - (ii) Terdapatnya keingkaran apa-apa obligasi di bawah Kemudahan atau Terma dan Syarat ini atau mana-mana Kemudahan lain yang sedia ada dengan Bank atau Kumpulan AmBank;

- (iii) Pelanggan mengakui secara bertulis atau selainnya akan ketidakmampuannya untuk membayar Keberhutangan apabila Keberhutangan tersebut matang atau Bank berpendapat bahawa Pelanggan tidak dapat membayar Keberhutangannya apabila Keberhutangan tersebut menjadi matang;
- (iv) Sebarang prosiding kebangkrutan atau insolvensi telah dimulakan terhadap Pelanggan;
- (v) Sebarang distres atau perintah pelaksanaan dilaksanakan ke atas atau terhadap mana-mana bahagian harta benda milik Pelanggan dan tidak diselesaikan oleh Pelanggan dalam masa empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh perintah tersebut dikeluarkan;
- (vi) Sebarang hutang Pelanggan kepada pihak ketiga tidak dijelaskan pada tarikh matang atau menjadi perlu dibayar sebelum kematangannya seperti yang dinyatakan atau apa-apa jaminan yang diberikan oleh Pelanggan tidak ditunaikan apabila sampai tarikh matang dan dituntut;
- (vii) Apa-apa representasi atau jaminan yang dibuat oleh Pelanggan kepada Bank adalah tidak benar apabila dibuat (atau dianggap dibuat) atau, jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta yang diberikan pada masa tersebut, tidak lagi menjadi benar dan tepat dalam segala aspek;
- (viii) Penyediaan Kemudahan ini merupakan transaksi pihak yang berkaitan di bawah Seksyen 57, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013;
- (ix) Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak siaman atau hilang upaya mental.

- 16.2 Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis apabila berlaku mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas kecuali sub-klausa (ix) di atas, di mana waris atau keluarga terdekat atau wakil diri Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku kejadian tersebut.
- 16.3 Pelanggan harus mengganti rugi Bank terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dialami oleh Bank akibat daripada apa-apa Kejadian Keingkaran.

17 PERUBAHAN KEPADA KEADAAN

- 17.1 Sekiranya terdapat perubahan dalam undang-undang, peraturan, garis panduan atau keperluan oleh pihak berkuasa (atau dalam tafsiran atau pelaksanaan) atau bagi tujuan pematuhan oleh Bank terhadap mana-mana arahan, permintaan atau keperluan yang berkenaan (sama ada berkuat kuasa atau tidak) yang mengenakan syarat, beban atau obligasi tambahan ke atas Bank, membebankan atau kewajipan tambahan ke atas Bank sehingga menyebabkan Kemudahan menjadi terlalu membebankan untuk dikekalkan, Bank boleh menamatkan Kemudahan dengan memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan, dan semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan akan serta-merta menjadi perlu dibayar.

18 KOS DAN PERBELANJAAN

- 18.1 Semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau timbul daripada atau sampingan kepada Kemudahan ini hendaklah dibayar oleh Pelanggan dan perlu dibayar dengan serta-merta apabila dituntut oleh Bank.
- 18.2 Semua duti setem dan yuran guaman yang perlu dibayar (dinilai berdasarkan dasar 'peguam dan anak guam') atau yang ditanggung oleh Bank:
- (a) berhubung dengan atau sebagai sampingan kepada peruntukan Kemudahan; dan/atau
 - (b) berhubung dengan penguatkuasaan hak-haknya di bawah Kemudahan, harus dibayar oleh Pelanggan apabila dituntut oleh Bank.
- 18.3 Di mana berkenaan, kesemua perkhidmatan, yuran atau caj yang dikenakan oleh Bank akan dikenakan cukai. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada kadar cukai atau pengenaan cukai kepada mana-mana yuran dan caj disebabkan oleh perubahan undang-undang cukai, Bank berhak untuk menukar amaun yang harus dibayar oleh

Pelanggan.

19 PENYUSUNAN SEMULA

- 19.1 Terma dan Syarat ini adalah sah dan mengikat kesemua pihak walaupun salah satu pihak telah bertukar melalui penggabungan, penyusunan semula atau selainnya dan tiada sebarang perubahan pada mana-mana pihak akan menjejaskan liabiliti dan obligasi-obligasi yang wujud, sama ada pada masa lepas, masa kini atau masa hadapan.

20 PENGANTUNGAN AKAUN

- 20.1 Dalam keadaan terhad di mana ia dianggap termasuk tetapi tidak terhad kepada apabila akaun Pelanggan terjejas akibat prosiding undang-undang yang sedang berjalan, atau apabila terdapat baki wang selepas ditolak jumlah yang terhutang oleh Pelanggan, sebarang wang yang diterima daripada Pelanggan boleh ditempatkan atau disimpan dalam akaun gantung patuh Syariah tanpa pulangan oleh Bank. Bank tidak bertanggungjawab untuk menggunakan wang yang diterima atau sebahagian daripadanya untuk pembayaran hutang Pelanggan yang terhutang kepada Bank.
- 20.2 Walaupun pembayaran wang dikreditkan ke dalam akaun gantung, sekiranya Pelanggan telah bankrap, Bank masih boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi yang berkenaan dengan bahagian penuh hutang yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank seolah-olah wang tersebut tidak dikreditkan.

21 PENYATUAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN

- 21.1 Bank berhak pada bila-bila masa tetapi dengan memberikan tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terdahulu kepada Pelanggan untuk menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan (termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak lain) di mana pun terletak untuk sebarang liabiliti dan obligasi yang terhutang atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank. Bank boleh melaksanakan hak tersebut selepas tamat tempoh notis tujuh (7) hari kalendar.

22 PENGIRAAN YANG MUKTAMAD

- 22.1 Pengiraan Bank terhadap Keberhutangan adalah muktamad kecuali dibuktikan sebaliknya atau terdapatnya kesilapan yang nyata dan ketara.

23 HAK UNTUK TOLAK SELESAI (SET-OFF)

- 23.1 Pelanggan bersetuju jika Pelanggan gagal dalam pembayaran Keberhutangan kepada Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah mana-mana Kemudahan yang diberikan oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank kepada Pelanggan, Bank berhak untuk membekukan semua atau sebahagian baki yang ada dalam mana-mana akaun Pelanggan (termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak ketiga) dengan Bank di mana-mana cawangan atau pejabat ("Baki Yang Ada") yang bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran ingkar Keberhutangan dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis kepada Pelanggan untuk menjelaskan bayaran ingkar Keberhutangan.
- 23.2 Jika Pelanggan gagal menjelaskan bayaran ingkar Keberhutangan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar tersebut, Bank berhak untuk menolak selesai sepenuhnya mana-mana bahagian Baki Yang Ada dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan.

24 HAK UNTUK MEMBEKU AKAUN

- 24.1 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk membekukan sebarang pengeluaran dan/atau deposit ke /dari mana-mana akaunnya, apabila:
- I. Bank mempunyai alasan munasabah bahawa mandat akaun telah disalahgunakan ;

- II. Bank mendapati bahawa maklumat/dokumen peribadi yang dikemukakan untuk pembukaan akaun adalah palsu/tidak tepat/telah diubah suai/disalah nyatakan;
- III. Cek/ instrumen kewangan/ jumlah yang dikreditkan ke akaun adalah hasil pemalsuan/ perubahan instrumen dan arahan/ transaksi palsu, dengan atau tanpa penglibatan Pelanggan;
- IV. Laporan dibuat oleh pihak ketiga kepada polis/Bank bahawa akaun telah digunakan untuk transaksi palsu/ penipuan/ kutipan deposit haram atau terlibat dalam aktiviti haram;
- V. Kematian, kebangkrutan atau permohonan penggulangan terhadap Pelanggan ;
- VI. Notis prosiding difailkan terhadap Pelanggan sebagai penghutang penghakiman ;
- VII. Bank menguatkuasakan hak untuk tolak balik di bawah Terma dan Syarat ini; atau Bank diarahkan untuk membekukan akaun oleh Bank Negara Malaysia/pihak berkuasa di bawah undang-undang yang berkenaan.

24.2 Selepas pembekuan akaun, Bank boleh memindahkan jumlah yang dibekukan / Baki Tersedia ke akaun tanpa pulangan sehingga isu berkaitan akaun tersebut diselesaikan atau seperti diarahkan oleh Mahkamah / pihak berkuasa berkenaan.

25 TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

25.1 Pihak Berkaitan: Berdasarkan pengetahuan dan maklumat terbaik Pelanggan, pemberian Kemudahan ini bukan merupakan transaksi pihak berkaitan dan berdasarkan pengetahuan terbaik Pelanggan:

- (i) pengarah Pelanggan bukan saudara terdekat kepada mana-mana Pihak Berkaitan dengan Bank, atau mana-mana subsidiari Bank atau entiti yang dikawal oleh Bank;
- (ii) Pelanggan tidak mempunyai kawalan terhadap Pihak Berkaitan Bank; dan
- (iii) tiada mana-mana Pihak Berkaitan Bank yang berminat sebagai pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ejen atau penjamin untuk Pelanggan, syarikat induknya dan/atau syarikat induk utamanya.

Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada Bank sekiranya perkara di atas adalah tidak benar dan memberikan Bank nama Pihak Berkaitan tersebut serta hubungan mereka.

26 NOTIS

26.1 Sebarang tuntutan atau notis kepada Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah secara bertulis dan boleh ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengurus, atau pegawai Bank yang diberi kuasa atau mana-mana peguamcara atau firma guaman yang bertindak bagi pihak Bank. Tuntutan atau notis (termasuk writ saman dan tuntutan undang-undang) hendaklah dihantar kepada Pelanggan melalui pos berdaftar berbayar atau dihantar secara peribadi ke alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam permohonan atau tempat perniagaan, pekerjaan atau kediaman Pelanggan yang biasa atau terakhir diketahui. Sebarang tuntutan atau notis jika dihantar melalui pos akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan tujuh (7) hari kalendar selepas diposkan DAN penghantaran oleh orang dianggap telah diterima pada masa penghantaran.

26.2 Sebarang notis yang perlu diberikan kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan. Notis tersebut boleh dihantar kepada Bank melalui pos atau secara penghantaran peribadi ke alamat yang dinyatakan di sini atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dan hanya akan dianggap telah diterima oleh Bank pada tarikh penerimaan sebenar oleh Bank.

26.3 Sebarang writ, notis, pernyataan, peringatan atau sijil (selepas ini dirujuk sebagai “**Dokumen Tersebut**”) yang diberikan oleh Bank tidak memerlukan tandatangan mana-mana pegawai Bank sekiranya dinyatakan dalam Dokumen Tersebut bahawa ia dijana oleh komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.

27 LIABILITI

- 27.1 Bank akan diganti rugi oleh Pelanggan terhadap sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank akibat daripada peremitan wang Takaful.
- 27.2 Bank boleh menolak permohonan Kemudahan dan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang timbul daripada penolakan tersebut.

28 GANTI RUGI(INDEMNITI)

- 28.1 Bank tidak akan bertanggungjawab dan menafikan semua liabiliti terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada kelulusan Kemudahan ini kecuali jika kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaiannya, keingkaran sengaja atau salah laku Bank.

29 FORCE MAJEURE

- 29.1 Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan melaksanakan obligasinya disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara di luar kawalan Bank termasuk kemusnahan alam sekitar seperti banjir, ribut, taufan, kilat, letupan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, mendapan tanah, pergolakan ketenteraman awam seperti tunjuk perasaan, sekatan masuk, kekacauan industri, rusuhan, peperangan, di mana setiap satunya adalah di luar kawalan mana-mana Pihak atau apa-apa kejadian, kondisi atau keadaan yang serupa yang diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.

30 AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 ("AMLATFA") DAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 ("STA")

- 30.1 Pelanggan mengakui dan menjamin bahawa:
- (a) melainkan jika dan sehingga Pelanggan memberitahu Bank sebaliknya secara bertulis:
 - I. Pelanggan adalah prinsipal berhubung dengan Kemudahan;
 - II. tiada seorang pun selain daripada Pelanggan yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Kemudahan ini; dan
 - III. kesemua wang yang akan dibayar kepada Bank, kesemua cagaran dan/atau jaminan yang memihak kepada Bank untuk mendapatkan Kemudahan (jika ada) akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA.
 - (b) apabila diberitahu bahawa Pelanggan adalah perantara bagi orang lain:
 - I. Bank boleh meminta, dan Pelanggan bersetuju serta berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi sebarang kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang mungkin diperlukan bagi tujuan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;
 - II. Pelanggan selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan "kenali-pelanggan-anda" yang diperlukan telah dijalankan termasuk tetapi tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, dan disahkan oleh Pelanggan bahawa wang, dana atau cagaran adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan
 - III. selanjutnya dengan ini dipersetujui dan difahami dengan jelas bahawa pemberian butiran benefisiari Pelanggan tidak akan menjadikan benefisiari tersebut sebagai pelanggan Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pelanggan sebagai prinsipal.

30.2 Sebagai tambahan kepada Klausa 30.1(a) dan (b) di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakukan secara tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat bahawa:

- (i) Pelanggan akan mendedahkan dan memberikan kepada Bank apa-apa maklumat yang diperlukan atau dianggap perlu dan sehingga memuaskan pihak Bank dengan kadar segera menurut tempoh yang ditentukan oleh Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan mematuhi undang-undang, perintah, peraturan, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan/atau yang diberikan, dibuat atau diwujudkan oleh pihak Bank;
- (ii) sementara Bank menunggu penerimaan maklumat daripada Pelanggan dan sehingga diterima dan disahkan di mana Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan berpuas hati, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk meneruskan apa-apa transaksi atau pembayaran atau menerima apa-apa wang, dana atau cagaran ("Aset"). Berhubung dengan Aset yang sudahpun di bawah kawalan Bank, pihak Bank berhak (dan diberi kuasa) untuk menyimpan Aset tersebut buat sementara. Sebarang Aset yang diminta untuk dikembalikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain akan hanya dikembalikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain tersebut setelah Bank mendapat pelepasan yang sewajarnya daripada pihak berkuasa yang berkenaan;
- (iii) Pelanggan tidak akan menggunakan Kemudahan untuk pengubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengubahan wang haram di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan
- (iv) Bank atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung, yang berbangkit atau apa jua kerugian sekalipun walau bagaimanapun yang terjadi atau disebabkan Bank melaksanakan tugasnya di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa, khususnya namun tidak terhad kepada tugas berkanunnya di bawah AMLATFA atau STA.

30.3 Sekiranya pembayaran Harga Jualan Bank yang tertunggak oleh Pelanggan pada bila-bila masa atau daripada semasa ke semasa atau selepas Bank melepaskan dan membebaskan Pelanggan daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, didapati berpunca daripada suatu sumber haram berkaitan dengan aktiviti atau instrumen yang merupakan suatu kesalahan seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA, Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:-

- (i) pelepasan dan pembebasan Pelanggan daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini hendaklah secara automatik dianggap tidak sah daripada tarikh ia dibuktikan bahawa sumber pembayaran Harga Jualan Bank yang tertunggak tersebut adalah di dalam lingkungan AMLATFA atau bertentangan dengan STA dan Pelanggan hendaklah masih menanggung liabiliti kepada Bank di bawah terma Perjanjian ini walau apajua pun sebarang dokumen yang dikeluarkan dan/atau disempurnakan oleh Bank untuk melepaskan dan membebaskan Pelanggan; dan
- (ii) Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kos, yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada Pelanggan melanggar peruntukan di bawah AMLATFA dan/atau bertentangan dengan STA.

31 UNDANG-UNDANG

31.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di sini dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

32 WARIS TERIKAT

32.1 Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat waris, wakil diri dan pengganti (sekiranya perlu) pihak-pihak di sini.

33 PRIVASI

33.1 Pelanggan dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami sebelum bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan klausa di sini, yang berkaitan dengan

pemprosesan maklumat peribadi beliau. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi dianggap bergabung dengan merujuk kepada Borang Permohonan dan Terma dan Syarat ini.

- 33.2 Sekiranya Pelanggan memberi maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan keluarga dan tanggungan mereka (untuk Pelanggan individu) untuk tujuan membuka atau menjalankan Kemudahan dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini:
- (a) mengesahkan bahawa dia telah diberi kuasa atau sebaliknya berhak untuk memberi maklumat kepada Bank dan untuk kegunaan Bank selaras dengan Borang Permohonan dan Terma dan Syarat ini dan untuk memberikan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran daripada Kumpulan AmBank) yang dipercayai bermanfaat kepada Pelanggan dan Kumpulan AmBank;
 - (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga adalah betul;
 - (c) bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi dan kewangan; dan
 - (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan sekiranya kebenaran dikeluarkan oleh mana-mana pihak ketiga.
- 33.3 Di samping itu, sentiasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai bagi Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pelanggan bersetuju mana-mana syarikat lain dalam Kumpulan AmBank dan mana-mana rakan niaga strategik boleh menghubungi Pelanggan mengenai sebarang produk, **perkhidmatan** dan/atau tawaran, di mana Bank dan Kumpulan AmBank percaya ia penting dan memberi manfaat kepada Pelanggan.
- 33.4 Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan menggunakan pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, mesej elektronik / mudah alih, faksimili atau pos, kepada maklumat hubungan yang disediakan oleh Pelanggan.
- 33.5 Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank pada bila-bila masa sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima apa-apa bentuk komunikasi berhubung dengan pemasaran Bank, Kumpulan AmBank dan/atau rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan Bank melalui pelbagai cara berikut:

AmBank Islamic Berhad

Contact Center – One Stop Resolution

Masa Operasi: 7 pagi – 11 malam

Tel: 03 – 2178 8888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

Pos: AmBank Contact Centre

Tingkat 18, Menara AmBank,

No. 8, Jalan Yap Kwan Seng,

50450 Kuala Lumpur

- 33.6 Arahan bertulis terkini daripada Pelanggan adalah terpakai. Pelanggan bersetuju bahawa sesetengah komunikasi seperti pernyataan mengenai Kemudahan kepada Pelanggan dan laman web Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat umum mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dihapuskan tanpa menjejaskan bahagian penyampaian / operasi Kemudahan dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pelanggan.

- 33.7 Bank boleh menggunakan agensi pelaporan kredit untuk membantu dalam proses membuat keputusan, seperti apabila Bank dikehendaki:
- (a) memeriksa butir-butir permohonan Kemudahan, pembiayaan dan berkaitan dengan pembiayaan atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan;
 - (b) menguruskan dan menyemak Kemudahan; dan/atau
 - (c) mengutip hutang daripada Pelanggan.
- (i) Pelanggan akan dihubungkan dengan agensi pelaporan kredit kepada nama lain yang digunakan atau mungkin telah digunakan oleh Pelanggan, dan mana-mana Pelanggan sama ada secara bersejaja atau berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan Kemudahan dengan agensi pelaporan kredit yang berkaitan.
- (ii) Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat kepada Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan terlebih dahulu. Dalam keadaan demikian, Bank berhak untuk menolak atau menghentikan pemberian sebarang Kemudahan berkaitan dengan maklumat tersebut.

34 PINDAAN / PERUBAHAN

- 34.1 Dalam keadaan terhad di mana ia dianggap wajar dan perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pematuan terhadap mana-mana undang-undang dan/atau garis panduan kawal selia yang berkenaan dengan Kemudahan, atau apabila terdapat kesilapan nyata yang tidak disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Bank, Bank berhak untuk meminda mana-mana Klausula dalam Perjanjian ini atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian kemudahan dengan skim lain, dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 34.2 Bank boleh memberikan notis tersebut kepada Pelanggan melalui satu atau lebih kaedah berikut:
- (i) Notis di papan kenyataan / kawasan yang jelas kelihatan di cawangan Bank;
 - (ii) Notis pada skrin paparan terminal elektronik Bank;
 - (iii) Notis di laman web Bank;
 - (iv) Notis dalam penyata akaun berkala yang dihantar kepada Pelanggan;
 - (v) Notis bertulis dalam format yang dipilih Bank ke alamat Pelanggan seperti yang direkodkan dalam rekod Bank; dan/atau
 - (vi) Notis melalui kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank dan boleh diterima oleh Pelanggan yang mudah terjejas.
- 34.3 Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan pindaan Terma dan Syarat ini, Pelanggan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dan menebus Kemudahan dengan membayar semua jumlah terhutang kepada Bank.
- 34.4 Sekiranya Pelanggan terus mengekalkan Kemudahan selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh notis pindaan, Pelanggan dianggap telah menerima pindaan tersebut.
- 34.5 Pindaan dan perubahan ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis dan peruntukan yang berkaitan dalam Perjanjian ini akan dipinda atau diubah suai sewajarnya.

35 PENYAMPAIAN PROSES GUAMAN

- 35.1 Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa writ saman atau apa-apa proses guaman mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dan syarat ini adalah sempurna dan berkesan dengan menyampaikan sesalinannya melalui pos berdaftar prabayar dan sesalinannya melalui pos biasa ke alamat-alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam borang permohonan Fasilitas atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Pelanggan kepada Bank dari semasa ke semasa, dan/atau ke alamat Bank yang dinyatakan di sini atau alamat

berdaftar Bank dengan Bank Negara Malaysia, mengikut mana yang berkenaan.

36 SYARAT-SYARAT LAIN

- 36.1 Penggunaan Kemudahan ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Apabila memohon Kemudahan ini, Pelanggan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaca dengan teliti dan memahami Terma dan Syarat ini
- 36.2 Pelanggan mengesahkan bahawa beliau tidak bergantung kepada sebarang nasihat, pernyataan atau janji yang dibuat oleh kakitangan atau wakil Bank yang tidak dinyatakan secara jelas dalam Terma dan Syarat ini, dan dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat guaman bebas.
- 36.3 Bank boleh melaksanakan sebarang hak, kuasa dan/atau remedi yang dimilikinya sama ada dinyatakan di sini atau yang diberikan oleh undang-undang. Kegagalan Bank untuk bertindak apabila berhak berbuat demikian **tidak** bermaksud
- (a) Bank bersetuju dengan pelanggaran oleh Pelanggan; atau
 - (b) Bank melepaskan haknya; atau
 - (c) Bank melepaskan haknya; atau
- 36.4 Jika Bank telah secara jelas mengetepikan suatu keingkaran oleh Pelanggan, ia tidak menjejaskan hak Bank untuk bertindak terhadap sebarang keingkaran lain, sama ada sebelum atau selepas penepian tersebut. Tanpa menjejaskan Klausula 34.1 di atas, Bank berhak, dalam keadaan terhad yang dianggap wajar dan perlu (contohnya akibat perubahan undang-undang atau peraturan atau kesilapan nyata yang tidak disebabkan oleh Bank), untuk menambah, mengubah, memisahkan, mengganti atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma dan Syarat ini atau menggantikan Kemudahan dengan skim lain, atau menarik balik Kemudahan sepenuhnya, dengan memberikan notis bertulis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 36.5 Pelanggan hendaklah melayari laman web www.ambankgroup.com untuk mendapatkan Terma dan Syarat terkini
- 36.6 Sebarang aduan berhubung Kemudahan ini boleh dikemukakan kepada:

AmBank Islamic Berhad Contact Center – One Stop Resolution

Tingkat 18, Menara AmBank

No. 8, Jalan Yap Kwan Seng

50450 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03 – 2178 8888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

- 36.7 Sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan atau Pelanggan tidak berpuas hati dengan keputusan Bank, perkara tersebut boleh dirujuk kepada :

Bank Negara Malaysia - BNMLINK di:

Alamat: 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 5465

Faks: +603 2174 1515

Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK [bnm.gov.my]

Catatan: Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris juga boleh didapati.